

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) merupakan komponen penting dalam membentuk halatuju serta personaliti berkaitan pelajar untuk memastikan universiti tidak ketandusan melahirkan graduan yang berkualiti untuk negara.

"Kita mengetahui, bahawa mahasiswa menghabiskan lapan bulan kehidupan mereka dengan berada di kampus, malah ada kalangan mahasiswa yang tidak pulang khususnya daripada Sabah dan Sarawak serta pelajar antarabangsa, oleh yang demikian, HEP berperanan besar dalam menyediakan kemudahan untuk keselesaan mereka.

"Perlu diingat, keselesaan seperti tempat tinggal dan belajar kepada mereka dapat membantu mewujudkan suasana belajar yang baik, sekaligus dapat meningkatkan keupayaan mereka dalam pelajaran," katanya sewaktu berucap di Simposium Transformasi Jabatan Hal Ehwal Pelajar di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

Beliau juga berkata, dalam usaha UUM untuk menambah jumlah pelajar pengajian peringkat sarjana dan jumlah pelajar antarabangsa, HEP perlu juga menyediakan kemudahan kepada pelajar yang membawa keluarga mereka bersama ke universiti ini, khususnya pelajar antarabangsa.

"Selain dalam perancangan pembinaan asrama kepada pelajar antarabangsa, kita juga dalam usaha mewujudkan sekolah antarabangsa untuk kemudahan anak-anak pelajar antarabangsa dalam memastikan matlamat kita tercapai seiring dengan Universiti Pengurusan Terkemuka yang kita laung-laungkan," tambah beliau.

Selain itu, Dr Mohamed Mustafa berkata, HEP perlu menyediakan pelbagai aktiviti untuk membentuk semangat patriotik dalam diri mahasiswa yang akan menjadi contoh serta ikutan pada masyarakat.

"Saya sedih melihat kurangnya semangat patriotik dalam diri segelintir masyarakat kita pada ketika ini, sebagai contoh ketika skuad bola sepak negara menentang kelab liga Inggeris baru-baru ini, sebahagian besar penonton memilih memakai jersi pasukan luar berbanding skuad kebangsaan.

"Tidak salah menyokong mereka, namun kita perlu berbangga dan tunjukkan semangat cintakkan negara kita pada orang luar bahawa kita bangga menjadi rakyat Malaysia," tambah beliau.

Pada majlis anjuran Bahagian Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Pelajar itu, turut berlangsung beberapa siri ceramah oleh wakil Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Biro Tatanegara (BTN).

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my